

# **MENILAI ISI KANDUNGAN CERAMAH: KAJIAN KES PENCERAMAH YANG DITAULIAHKAN OLEH JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR (JAIS)**

**Muhammad Helmi b, Jalil, Mohammad Husni b Ali@ Buraidah**

*Institut Islam Hadhari, Universiti kebangsaan Malaysia*

*Husni\_8410@yahoo.com*

## **ABSTRAK**

Penyebaran ilmu-ilmu Islam perlu dipantau oleh pihak Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dalam penerapan pengetahuan Islam kepada masyarakat. Oleh itu pihak JAIS akan memberi sijil Pentaulahan kepada penceramah di masjid seluruh Selangor. Maka Penceramah yang mengajar pengajian ini memerlukan pengetahuan yang mantap dalam bidang pentaulahan tersebut. Kajian ini bertujuan untuk meneroka dan menganalisis isi kandungan yang dimiliki oleh penceramah dan bagaimana isi kandungan tersebut dilaksanakan semasa proses pengajaran. Pendekatan penilaian nutralistik digunakan untuk meneliti isi kandungan penceramah. Dengan melihat peratusan isi kandungan yang disampaikan bagi ketegori akidah, syariat, akhlak dan tasawuf serta sejarah dapat mengenalpasti peratusan penekanan kategori akidah dalam ceramah yang disampaikan untuk mencapai tujuan kajian. Seramai lapan orang penceramah yang ditauliah JAIS dipilih sebagai peserta di dalam kajian ini. Kajian kualitatif ini menggunakan reka bentuk kajian kes dan memperoleh data kajian melalui protokol temubual, senarai semak pemerhatian pengajaran dan analisa dokumen. Dapatan kajian ini diharap dapat dijadikan panduan untuk menambahbaik kualiti isi kandungan penceramah.

Kata Kunci: Isi kandungan ceramah, penceramah tauliah JAIS, isi kandungan akidah

## PENDAHULUAN

Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) merupakan institusi pentadbiran Agama Islam di Selangor, di mana ia berperanan menjaga dan mengurus kerja-kerja berkaitan hal ehwal orang-orang Islam seperti ibadah, pelajaran, nikah kahwin, dan dakwah. Justeru itu hal-hal berkaitan dakwah adalah makanisma untuk menyampaikan ilmu Islam kepada masyarakat antaranya ilmu akidah, tasawuf, akhlak dan syariat, supaya masyarakat faham dan berilmu. Dengan itu JAIS mensyaratkan kepada pendakwah-pendakwah sebagai penceramah di masjid-masjid di seluruh Selangor untuk memohon sijil pentaulihan bagi memudahkan pemantauan ilmu dapat dilaksanakan. Sehubungan itu juga tujuan lain sijil pentaulihan ini bagi memudahkan pihak JAIS memantau setiap aktiviti masjid dan surau di bawah kerajaan Negeri Selangor. Sijil pentaulihan mengajar ini dikendalikan oleh satu jawatankuasa yang dikenali sebagai Jawatankuasa Tauliah MAIS. Jawatankuasa ini adalah satu organisasi yang bertanggungjawab untuk membuat penilaian, pengawalan dan pemberi lesen kepada penceramah untuk berceramah di masjid dalam negeri Selangor, empat kategori dikeluarkan untuk mengenal pasti penceramah atau tenaga pengajar yang berkelayakan, sesuai dengan ilmu pengetahuan dan pengalaman yang mereka miliki berdasarkan peruntukan dalam Peraturan-peraturan Tauliah (Negeri Selangor) 2008.

Kategori-kategori tersebut merangkumi:

D 1: Berceramah; Tauliah ceramah Umum yang membenarkan pemegangnya memberi ceramah umum berhubung dengan apa-apa aspek agama Islam di mana-mana tempat dan dengan apa-apa juga cara selain dari mengajar agama Islam secara berkala.

D 2: Mengajar fardu ain atau pengajian berkitab; Tauliah Mengajar Agama Islam berkitab yang membenarkan pemegangnya mengajar agama Islam secara berkala di mana-mana tempat.

D 3: Mengajar al-Quran; Tauliah Mengajar Al-Quran yang membenarkan pemegangnya mengajar Al-Quran di mana-mana premis.

D 4: Khas ; Tauliah Khas bagi individu yang tidak memiliki kelayakan seperti yang ditetapkan dalam perenggan 11(1)(f) untuk mengajar bidang tertentu.

Melalui katogeri ceramah ini adalah diperakui oleh pihak JAIS dalam menyampaikan ilmu Islam hendaklah di masjid, kerana masjid merupakan tempat utama umat Islam dalam usaha untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT dan tempat untuk mendalamai ilmu berkaitan agama Islam.

Maka di seluruh negeri di Malaysia individu yang mendapat tauliah daripada Majlis Agama Islam negeri sahaja yang boleh menyampaikan ceramah agama di masjid-masjid utama di negeri-negeri, malah individu yang tidak memiliki sijil tauliah ini tidak dibenarkan untuk menyampaikan ceramah agama di masjid-masjid walaupun mempunyai kelayakan akademik yang tinggi Contohnya dalam kes penceramah yang memiliki PhD yang ditahan oleh JAIS kerana mengajar tanpa tauliah pada 2/11/2009

Manakala dari sudut kesalahan mengajar tanpa tauliah pula di sebut dalam seksyen 119 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003 iaitu :

- 1) Mana-mana orang yang mengajar agama Islam atau perkara-perkara tentang Agama Islam tanpa tauliah yang diberikan di bawah seksyen 118 adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.
- 2) Subseksyen (1) tidaklah terpakai bagi :
  - (a) Mana-mana orang atau golongan orang yang dikecualikan oleh Majlis di bawah seksyen 121 Enakmen ini ; atau
  - (b) Mana-mana orang yang mengajar agama Islam atau perkara-perkara tentang agama Islam di dalam kediamannya sendiri kepada anggota keluarga sahaja.

Namun pada hari ini terdapat pelbagai masalah salah faham tentang akidah Islam di Malaysia, malah terdapat juga di Negeri Selangor di mana terdapat 55 ajaran sesat yang diwartakan oleh JAIS dan diharamkan daripada diajar di Malaysia. Maka wujud penguatkuasaan oleh pihak kerajaan untuk menjaga ajaran Islam ini daripada penyelewengan akidah. Justeru satu undang-undang telah diwujudkan oleh pihak Majlis Agama Islam Selangor dan Jabatan Agama Islam Selangor khususnya untuk mengawal orang perseorangan yang menyampaikan syarahan agama dengan mensyaratkan penceramah mendapatkan sijil pentaulahan sebagai lesen untuk berceramah agama di masjid-masjid dan di surau-surau. Menurut Ahmad Munawar (2009) dan Ab Halim (2003) menyatakan guru lebih suka menggunakan kaedah kuliah untuk proses pengajaran dan pembelajaran akidah.

Menurut Ahmad Yunus (2010) keyakinan akidah tidak terbentuk dengan mudah kerana ia perlukan pemahaman fikiran yang kukuh dengan dalil-dalil naqliyyah dan ‘aqliyyah sehingga menghilangkan sebarang keraguan.

Disamping itu, kecelaruan akidah telah menyebabkan wujudnya jenayah dan keruntuhan akhlak dikalangan umat Islam. Ini kerana wujudnya keraguan dan syak, maka Ahmad Rejab (2001) menegaskan perlunya kefahaman yang jelas dalam pendidikan untuk mengesani emosi. Perkara ini telah menimbulkan pelbagai perspektif dalam kalangan masyarakat yang kurang pengetahuan Islam. Di mana kurangnya pemahaman akidah dalam kalangan masyarakat mewujudkan keimbangan ke atas pemahaman ajaran Islam. Fatimah (2005) berpandangan murid perlu didedah dengan persoalan akidah daripada pelbagai perspektif pemikiran rasional yang diperkuuhkan dengan ilmu saintifik moden.

Oleh itu pengkaji ingin melihat sejauh mana peranan penceramah menangani isu akidah ini, kerana dengan persekitaran IT global pelbagai isu kesalahan akidah menular cepat dengan media sosial, maka pentingnya penelitian isi kandungan dan proses penyampaian isi kandungan di hasilkan bagi mengetahui keberkesanan penyampaian daripada penceramah kepada pendengar bagi menarik masyarakat untuk menuntut ilmu. Maka Abdul Majid (2008) memperakui pengajaran ilmu akidah memerlukan penggunaan bahasa, contoh dan bukti yang mudah difahami, idea yang bernes, dan penggunaan ayat al-Quran yang berkaitan dengan tajuk yang dibincangkan bagi menghubungkan hujjah akal serta kesan kepada akal manusia. Justeru itu pengkaji akan menilai isi kandungan penceramah, dengan meneliti peratusan penyampaian tentang ilmu akidah dalam ceramah mereka. Jelas di sini Pemahaman konseptual murid, dipengaruhi oleh pengetahuan pedagogikal kandungan (PKK) sesuatu subjek bagi mencapai keberkesanan pengajaran sesuatu topik secara spesifik (Shulman, 1987).

## **PERNYATAAN MASALAH KAJIAN**

Penceramah tauliah Jais mempunyai ilmu dalam bidang pengajian mereka, namun dalam penyampaian mereka terdapat beberapa gabungan ilmu. (Fakhru Adabi. 2010) Ilmu tersebut mengandungi perkara-perkara yang berhubung dengan akidah, syariat dan akhlak. Manakala ilmu fardhu kifayah pula menurut ketentuan Islam diwajibkan ke atas masyarakat Islam mempelajarinya. Maka di sini pengkaji ingin mengetahui secarasejauhmana kaedah dan isi kandungan ceramah yang di sampaikan oleh

penceramah dapat memenuhi kriteria-kriteria yang dapat meningkatkan kefahaman pihak pendengar terhadap agama Islam khususnya dalam bidang akidah.

Akidah ialah suatu perkara yang berkaitan dengan kepercayaan dan keyakinan di dalam hati sehingga jiwa menjadi tenang kerana tiada lagi keraguan dan kesamaran untuk beriman kepada Allah S.W.T. (al-Banna, 1421H). walaupun Jawatankuasa pentauliah sijil mengajar agama telah dikuatkuasakan masih terdapat gejala ajaran salah dikalangan masyarakat seperti ajaran syiah rafidhah dan sebagainya, maka wujud beberapa persoalan utama adakah ajaran salah ini disampaikan oleh penceramah-penceramah yang mendapat tauliah? Adakah tidak ramai dikalangan pemegang sijil tauliah ini berceramah bab Akidah? Adakah tidak ramai masyarakat yang mendengar ceramah di masjid-masjid? Bertolak daripada masalah tersebut maka penyelidik merasakan wujudkan keperluan kajian mengenai isi kandungan ceramah yang disampaikan oleh penceramah yang ditauliahkan oleh Jabatan Agama Islam Selangor untuk menangani masalah ketidak fahaman masyarakat mengenai akidah Islam yang sebenar. Dengan ini kajian yang akan dilakukan, penyelidik akan dapat menjawab pelbagai persoalan berkaitan isi kandungan ceramah dan masalah berkaitan Akidah.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Secara khususnya, kajian ini adalah bertujuan untuk mencapai objektif-objektif kajian seperti berikut:

- 1- Mengenal pasti tanggapan masyarakat terhadap ciri-ciri pengajaran di masjid
- 2- Menganalisis isi kandungan ceramah yang disampaikan dalam ceramah-ceramah.
- 3- Mengenal pasti kualiti isi kandungan ceramah yang disampaikan oleh penceramah-penceramah yang ditauliahkan oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).
- 4- Menilai tahap-tahap kefahaman ahli Jemaah terhadap kandungan akidah yang disampaikan dalam ceramah di masjid-masjid.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan pendekatan berbentuk kualitatif kerana pendekatan ini dapat memahami keadaan dan suasana yang berlaku di dalam masjid ketika sesi pengajaran akidah dilaksanakan oleh penceramah tauliah JAIS. Menurut

Creswell (2003) pendekatan kualitatif adalah untuk menjawab persoalan yang seperti bagaimana dan apa yang berlaku, tajuk berbentuk penerokaan dan kajian yang memerlukan jawapan secara terperinci.

Oleh itu kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan pendekatan kajian kes. Dan Pengumpulan data adalah menggunakan kaedah temubual secara mendalam, pemerhatian dengan ikut serta program dan analisis dokumen. Manakala data yang telah dikumpul dianalisis dengan menggunakan perisian NVivo-7 pula digunakan untuk membantu mengurus data. Maka Keesahan data dilakukan dengan menggunakan konsep triangulasi daripada pelbagai sumber data, semakan rakan (member check) dan menggunakan replika dalam kajian pelbagai kes.

Ini menunjukkan, penyelidikan kualitatif dalam bidang pendidikan menurut Creswell (2003) digunakan untuk meyelidik fenomena pendidikan dalam beberapa bentuk kajian seperti; kajian kes, fenomenologi, etnografi, grounded theory dan kajian secara narratif. Namun, kaedah kajian kes adalah suatu bentuk kaedah kajian yang sering digunakan di dalam bidang pendidikan untuk mencapai salah satu objektif iaitu; menjelaskan sesuatu fenomena secara terperinci, menjelaskan beberapa kemungkinan fenomena tersebut berlaku dan untuk menilai fenomena tersebut. Kajian ini juga membolehkan penyelidik mengkaji secara terperinci fenomena yang dikaji dalam konteks yang sebenar (Gall et al., 2003). Manakala Kajian kes juga lebih tertumpu kepada proses kajian penyelidik menguji interaksi kriteria setiap unit dalam penyelidikan terhad (Merriam, 1998; Stake, 1995; Yin, 2002). Pengkaji juga perlu memberi fokus kepada proses pembelajaran, dimana kajian kes turut digunakan untuk memahami interaksi antara penyelidik dan peserta sehingga terbina maklumat yang bermakna (Crotty, 2003; Merriam, 1998).

Kaedah yang akan digunakan dalam kajian ini adalah menerusi beberapa kaedah iaitu :

1) Rakaman

Kajian ini akan menggunakan metod rakaman sebagai instrument utama untuk merekod setiap ceramah yang disampaikan. Rakaman ini bertujuan untuk memastikan bagi mendapat maklumat secara tepat setiap ucapan, perkataan dan mesej yang disampaikan oleh penceramah. Selain itu, buku-buku, kitab-kitab, risalah yang digunakan oleh penceramah juga akan direkod. Selain itu, melalui

kaedah rakaman ini juga akan merekod kaedah penyampaian oleh penceramah-penceramah bagaimana ceramah disampaikan.

2) Temubual mendalam separa struktur

Kajian akan membuat temubual mendalam kepada tiga orang ahli panel penemuduga yang memberikan tauliah ceramah berkenaan syarat-syarat pentaulahan, kriteria pentaulahan dan peraturan-peraturan pentaulahan. Tiga orang panel penemuduga ini terdiri daripada ahli Jawatankuasa Tauliah Mais dan Pegawai Hal Ehwal Islam JAIS. Tiga orang ahli panel penemuduga dipilih kerana berdasarkan kepakaran dan kategori pentaulahan iaitu 1) Panel penemuduga Pengajian berkitab, 2) Panel penemuduga Mengajar al-quran. 3) Panel penemuduga Ceramah umum.

3) Analisis Dokumen

Melalui kajian analisis dokumen pengkaji dapat meneliti sumber-sumber hukum daripada buku-buku akidah dan tasawwuf Islam yang membincangkan mengenai bagaimana kaedah mendekatkan diri kepada Allah s.w.t dan memberi pemahaman jelas mengenai ajaran agama Islam yang sebenarnya. Penyelidikan ini akan dilihat secara khusus dari sudut buku ataupun kitab rujukan yang digunakan oleh penceramah, metod penyampaian oleh penceramah dan sebagainya, serta aduan dan cadangan ahli jemaah

4) Pemerhatian

Kaedah pemerhatian akan dilaksanakan dengan menghadiri, mendengar dan merakam di sepanjang sesi ceramah yang disampaikan selama 6 bulan di Masjid Kota Damansara

## KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini mempunya beberapa kepentingan yang dapat dijelaskan seperti berikut :

1. Kajian ini dapat membantu Jabatan Agama Islam Selangor dalam menilai kualiti penceramah yang ditauliahkan melalui pendekatan analisis isi kandungan ceramah.
2. Kajian ini juga membantu JAIS dalam memantau setiap aktiviti ceramah yang disampaikan sama ada memenuhi kriteria yang ditetapkan ataupun tidak.

3. Respon daripada jemaah melalui temubual yang dijalankan dalam kajian ini dapat memberi maklumat kepada pihak pengurusan masjid, Jabatan Agama Islam Selangor tentang tahap pemahaman jemaah berkaitan isi kandungan ceramah yang disampaikan.
4. Kajian ini juga dapat membantu Jabatan Agama Islam Selangor dan penceramah-penceramah yang ditauliahkan untuk mengenalpasti bentuk penambahbaikan isi kandungan yang perlu dicadangkan.
5. Kajian ini penting kepada ahli jawatankuasa Masjid dalam membuat perancangan untuk aktiviti mengimarahkan masjid dengan menekankan kuliah yang menjurus kearah menerapkan akidah kepada jemaah supaya setiap aktiviti yang dirancang akan memberi sumbangan yang bermanfaat kepada masyarakat apabila menjalankan pelaksanaan aktiviti tersebut.
6. Kajian ini juga penting kerana dengan penerapan akidah yang jelas dapat mengurangkan masalah salah faham tentang akidah Islam yang sebenarnya oleh masyarakat.

## KAJIAN LEPAS

Dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia Ajaran agama Islam merupakan agama rasmi bagi Negara Malaysia sebagaimana yang terkandung dalam Perkara 3 (1) Perlembagaan memperuntukkan bahawa Islam ialah agama bagi Persekutuan, tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan. Manakala Ajaran agama islam adalah pegangan akidah ahl sunnah wal jamaah.

Pengisian dalam kelas agama memberi maksud mata pelajaran yang diajar dalam kelas tersebut. Menurut Kamus Dewan pengisian bermaksud perihal atau perbuatan mengisi atau mengisikan. Oleh itu pengisian kelas agama dapatlah difahamkan sebagai perbuatan mengisi ilmu-ilmu yang berfaedah (mengajarkan ilmu) kepada ahli jemaah yang hadir untuk mendengar pengajaran di masjid Fakhrul Adabi (2010)

ilmu pengetahuan Islam merupakan (al-thaqafah al-Islamiyyah). Dimana Ilmu pengetahuan Islam bermaksud ilmu- ilmu yang bersumberkan dari al-Qur'an dan Sunnah dan membicarakan perkara-perkara yang berkaitan dengan agama Islam. Fakrul adabi (2010) menegaskan ilmu-ilmu utama ini perlu dimiliki oleh para pendakwah yang menyeru manusia kepada Islam. Iaitu Ilmu-ilmu al-

Qur'an al-Karim serta tafsirnya, al-Sunnah al-Nabawiyyah beserta ilmu-ilmu yang berkaitan dengannya dan fiqh Islami yang membicarakan perkara-perkara mengenai ibadat, muamalat dan adab (tata susila).

Fakrul adabi (2010) juga menjelaskan Ilmu agama terbahagi kepada ilmu fardhu ain dan fardhu kifayah. maka Ilmu fardhu ain merupakan ilmu yang wajib dipelajari oleh setiap individu Muslim yang aqil baligh sama ada lelaki mahupun perempuan. dimana Ilmu tersebut mengandungi perkara-perkara yang berhubung dengan akidah, syariat dan akhlak. Manakala ilmu fardhu kifayah menuntut kewajiban ke atas masyarakat Islam mempelajarinya secara kolektif, seperti ilmu pengurusan jenazah dan seumpamanya.

Berdasarkan kepada beberapa penjelasan di atas, maka dapatlah dibuat kesimpulan bahawa pengisian dalam ceramah yang diadakan di masjid-masjid seluruh selangor adalah perkara-perkara mengenai ilmu agama yang berasaskan al-Qur'an dan Sunnah seperti: ilmu tafsir al-Qur'an, tajwid, Hadith, fekah, sirah nabi, tasawwuf dan seumpamanya.

Setiap penceramah yang akan menyampaikan ceramah akan menggunakan bahan tertentu sebagai bahan rujukan dalam ceramahnya seperti kitab, buku ataupun risalah. Justeru kitab yang digunakan ini perlu dilihat sama ada bertepatan dengan kitab yang disyorkan oleh panel Jawatankuasa Tauliah ataupun tidak dan sama ada dibenarkan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) ataupun tidak sebagaimana dalam peruntukan Seksyen 7(1) Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 :

"Jika Menteri berpuas hati bawah apa-apa hasil penerbitan mengandungi apa-apa makalah, karikatur, laporan, nota, tulisan, bunyi, muzik, kenyataan atau apa-apa perkara lain yang mengikut apa-apa juga cara memudaratkan atau mungkin memudaratkan ketenteraman awam, kemoralan, keselamatan, perhubungan dengan mana-mana negara atau kerajaan asing atau yang mungkin menggemparkan fikiran orang ramai- saya sebut rangsang tadi- atau yang berlawanan atau mungkin berlawanan dengan mana-mana undang-undang atau yang selainnya yang memudaratkan atau mungkin memudaratkan kepentingan awam atau kepentingan negara, dia boleh menurut budi bicara mutlaknya melalui perintah yang disiarkan dalam Warta melarang, sama ada secara mutlak atau tertakluk kepada apa-apa syarat yang ditetapkan, percetakan, pengimportan, penghasilan,penghasilan semula, penerbitan, penjualan pengeluaran,

pengelilingan, pengedaran atau pemilikan hasil pengeluaran itu dan hasil-hasil pengeluaran masa hadapan penerbit yang berkenaan”.

Menurut Jasni Sulong “Berdasarkan maklumat dan kajian yang dilakukan oleh JAKIM, kandungan pengajaran mengenai ilmu-ilmu Islam perlu diteliti dengan rapi khususnya dalam aspek-aspek berikut:

- 1) Tasawuf Teosofi atau Tasawuf Falsafah
- 2) Fahaman Batiniah
- 3) Syiah
- 4) Amalan Khurafat, dan
- 5) Menggunakan akal tanpa batas

Ini kerana elemen-elemen ini adalah faktor utama penyelewengan akidah dan kemunculan ajaran sesat”

Dari sudut pentingnya pentauliahan kepada penceramah, menurut Wan Mohd. Nor wan Daud, (2005) “Pengajian ilmu dalam Islam sangat mementingkan keautoritian kerana hanya pihak yang berautoriti sahaja yang dapat mengajar, menerangkan dan memahamkan al-quran dan al-Hadis dengan tepat”.

Menurut Mufti Perak, Tan Sri Harussani Zakaria, berkata peraturan yang dikuatkuasakan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) adalah satu keperluan dan diselaraskan di seluruh Negara selepas persetujuan Majlis Raja-Raja, adalah wajar peraturan itu dihormati dan dipatuhi sebagai tanda menjunjung kedaulatan undang-undang dalam prinsip Rukun Negara.

“Sistem pentauliahan bertindak sebagai mekanisme kawalan terhadap mana-mana pihak yang cuba menghidupkan amalan dan ajaran sesat.”

Menurut Datuk Md Daud Che Ngah pula berkata, akidah umat Islam lebih mudah diseleweng jika sistem pentauliahan tidak dilaksanakan. Bagaimanapun, katanya, jabatan agama Islam wajar memberikan tauliah tanpa memilih bulu kerana ia boleh menyekat dakwah dan usaha meningkatkan syiar Islam.

Manakala dari sudut kepentingan menyampaikan ilmu Islam di masjid pula, menurut Wan Mohd. Nor Wan Daud (2005) lagi bahawa Masjid harus berusaha menarik golongan cendiakawan dan intelek Muslim agar turut terlibat dengan pengajian ilmu di masjid dan bukannya sekadar di institut pengajian tinggi. Keterlibatan mereka dengan institut masjid membolehkan muzakarah antara golongan ilmuan Islam dalam bidang ilmu keislaman dan bidang ilmu semasa

diadakan kerap dan berkesan untuk membincangkan hal ehwal umat Islam selain merancang pengajian ilmu yang bersepada di masjid. Antaranya adalah seperti pemikiran Islam, sains Islam dan tamadun Islam. Perbincangan tentang aliran semasa barat yang telah merosakkan pandangan alam Islam harus juga diketengahkan. Pelaksanaan pengajian ilmu-ilmu ini juga boleh dilaksanakan secara perbandingan antara Islam dan Barat.”

Manakala dalam isu penerangan akidah di masjid pula pengkaji melihat hasil kajian yang telah dibuat sebelum ini iaitu :

Menurut Faizuri Abd Latif dalam kajian yang dilakukan berkaitan isu-isu akidah dalam khutbah jumaat di masjid-masjid negeri di Malaysia bagi tahun 2003 hingga 2007 didapati dalam koleksi khutbah jumaat yang diperolehi di seluruh Malaysia didapati hanyalah sebanyak 398 tajuk berkaitan akidah iaitu 20.9 %. Khutbah jumaat yang membicarakan isu akidah ialah berkisar tentang persoalan Ilahiyyat, Nubuwwat, Sam'iyyat, Penyelewengan akidah dan pemantapan akidah. Daripada jadual tersebut isu pemantapan akidah sebanyak 39%, diikuti isu sam'iyyat 21%, ilahiyyat 15%, Nubuwwat 14% dan penyelewengan akidah 11%.

Manakala menurut Ainuddin B. Kamarudin , dalam kajian terhadap khutbah jumaat di Masjid-masjid di daerah Kuantan, kategori khutbah Jumaat yang berkaitan akidah didapati paling sedikit dibawakan sebagai tema utama khutbah. Hanya terdapat lima kali atau 9.6% khutbah yang membawakan tema Akidah iaitu khutbah berkaitan mengukuhkan keimanan, ancaman murtad, kepercayaan kepada perkara-perkara tasyul dan khurafat, alam barzakh dan tanda-tanda kiamat.

Menurut Dr. Asri zainal Abidin, 9 Oktober 2013, Malaysiakini, menyatakan “malangnya, masjid-masjid kita kebanyakannya masih gagal berfungsi. Di sudut kerahmatan dan kemasyarakatan umpamanya, banyak masjid kita masih tidak mesra remaja dan kanak-kanak. Golongan ini sentiasa rasa kurang selesa atau bimbang dengan layanan orang-orang masjid kepada mereka. Takut-takut dimarahi jika tersilap. Jika tidak pun, mereka kurang diberi layanan yang sewajarnya. Maka jangan hairan jika kanak-kanak atau remaja merasai lebih diberi layanan mesra ketika berada di pusat-pusat hiburan, di bandingkan jika berada di masjid. Kemudian kita ‘bising’ apabila generasi muda tidak minat dengan masjid, atau tidak selesa di masjid.”

Manakala berkaitan permasalahan akidah di Malaysia menurut Majlis Fatwa dalam Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang bersidang pada 5 May 1996 telah membincangkan Syiah Di Malaysia. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Bersetuju supaya keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa yang telah diadakan pada 24 dan 25 September 1984 [Kertas Bil. 2/8/84, Perkara 4.2. (2)] mengenai aliran Syiah yang menetapkan seperti berikut :” Setelah berbincang dan menimbang kertas kerja ini Jawatankuasa telah mengambil keputusan bahawa hanya Mazhab Syiah dari golongan Al – Zaidiyah dan Jaafariah sahaja yang diterima untuk diamalkan di Malaysia.” Dimansuhkan.

## KESIMPULAN

Kajian ini adalah inisiatif awal yang selari dengan tuntutan semasa bagi tujuan memanfaatkan ilmu dan kemahiran penyampaian penceramah tauliah JAIS. Ini merupakan konsep kebebasan dalam pengajaran ilmu akidah di masjid. Dimana penceramah perlu memahami proses pemikiran dan tingkah laku ahli jemaah di dalam masjid atau surau. kerana penyelidik ingin mengetahui dan memahami situasi kefahaman, transformasi, tindakan pengajaran, penilaian, refleksi untuk mendapatkan kefahaman baru berkaitan pengetahuan isi kandungan, dalam pengajaran akidah. Pendekatan penilaian nutralistik pengkaji akan mengikuti sepenuhnya ceramah di masjid dalam meneliti isi kandungan pengajaran akidah dan budaya serta suasana di masjid, diharap dapat mewujudkan pendekatan yang lebih baik di masa akan datang.

## RUJUKAN

- Adabi, F. & Kadir, A. (n.d.) 2010: Pengajian Agama Di Masjid-Masjid Daerah 187–206.
- Cemerlang, G., Islam, P., Pedagogikal, P., Ahmad Yunus Kasim & Tamuri, A. H. 2010a. Pengetahuan Pedagogikal Kandungan ( PPK ) Pengajaran Akidah : Kajian Kes Guru Cemerlang Pendidikan Islam. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 2, 13–30.
- Che Zarrina Sa?ari & Joni Tamkin Borhan. 2006. Peranan Wanita Dalam Pengukuhan Akidah Umat Islam. *Jurnal Usuluddin*, 23-24, 35–50. Retrieved from [http://apium.um.edu.my/journals/journal\\_usul/No\\_Usul.php](http://apium.um.edu.my/journals/journal_usul/No_Usul.php)

- Hishamuddin Abdul Hamid, Mohd Isa Hamzah, Rohizan Ya, Suriani Abd Rahim & Khairul Najah Abdul Rahim. 2012. Konsep Pendidikan Islam Melalui Pendidikan Akidah Islamiah: Kesannya Terhadap Pembentukan Akhlak Pelajar Muslim Masa Kini. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam Siri Ke-9 Peringkat Serantau*, hlm.275–284.
- Mohd Fauzi Hamat & Mohd Hasrul Shuhari. 2010. Al-Asma al-Husna dalam wacana Akidah. *AFKAR Journal of Aqidah and Islamic Thought*, 11, 1–54. Retrieved from <http://apium.um.edu.my/>
- muhammad Rashidi Wahab, M. F. A. 2013. Jurnal Teknologi Kedudukan Akal dalam Pendalilan Akidah. *jurnal teknologi*, 1, 31–39. doi:10.11113/jt.v63.1563
- Nornajwa Ghazali & Mustaffa Abdullah. 2007. Tafsiran Islah Syeikh Abu Bakar al-Ash'aari Dalam Bidang Akidah. *Al-Bayan Journal of Al-Quran & al-Hadith*, 5, 1–18. Retrieved from <http://myais.fsktm.um.edu.my/8762/>
- Norsaleha Mohd. Salleh, A. H. T. & S. A. 2013. Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Penghayatan Akidah. *International Journal of Islamic Thought*, 3, 71–80.
- Sakinah Saptu & Aziz, A. A. 2012. Konsep al-Tasfiyah dalam Akidah berdasarkan Sunnah Nabawiyah. *Hadis Jurnal Ilmiah Berimpak INHAD KUIS*, 4, 37–54.